

**SENARAI PLIDING/DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK PENDAFTARAN  
(KES MAL / PERMOHONAN RAYUAN)  
(KOD KES : 001)**

**PENDAFTARAN DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (MTS):**  
(Seksyen 48 [Akta 505])

**PENDAFTARAN DI MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (MRyS):**  
(Seksyen 52(1) [Akta 505])

Setiap **PLIDING** hendaklah disediakan secara **BERTAIP** termasuklah menyediakan dengan lengkap dokumen seperti butiran di bawah.

BIL	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	SEMAKAN PELANGGAN	SEMAKAN MAHKAMAH
1.	<p>Notis Rayuan (Borang MS 29).</p> <p>* <b>Lima (5)</b> salinan bagi tujuan Rayuan dari <b>Mahkamah Rendah Syariah (MRS) ke Mahkamah Tinggi Syariah (MTS).</b></p> <p>* <b>Tujuh (7)</b> salinan bagi tujuan Rayuan dari <b>Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah (MRyS).</b></p>	<p><b>5 (MTS)</b></p> <p><b>7 (MRyS)</b></p>	
2.	<p><b>Satu (1)</b> Salinan Kad Pengenalan/ MyPR/ MyKAS/ Passport (Perayu).</p> <p><i>Nota: Perayu berstatus bukan warganegara pemegang Passport hendaklah mengemukakan salinan Visa yang terkini.</i></p>	<b>1</b>	
3.	<p>Deposit / Wang Jaminan Pemfailan Rayuan (Perayu).</p> <p>* <b>RM 600.00 (Ringgit Malaysia: Enam Ratus Sahaja)</b> bagi tujuan Rayuan dari <b>Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah.</b></p> <p>* <b>RM 1200.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Dua Ratus Sahaja)</b> bagi tujuan Rayuan dari <b>Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah.</b></p>	<b>1</b>	
4.	<p><b>Satu (1)</b> Salinan Buku Akaun Bank (Perayu).</p> <p><i>Nota: Bagi Tujuan Pengembalian Deposit / Wang Jaminan.</i></p>	<b>1</b>	
5.	<p>Fi/Bayaran Pemfailan.</p> <p>* <b>RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)</b> bagi tujuan Rayuan dari <b>Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah.</b></p> <p>* <b>RM 100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sahaja)</b> bagi tujuan Rayuan dari <b>Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah.</b></p>	-	
6.	<p><b>Satu (1)</b> Borang Pendaftaran. (<i>Salinan Asal sahaja</i>)</p>	<b>1</b>	

**PANDUAN:**

1. Rayuan ke atas keputusan Mahkamah hendaklah difailkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh keputusan kes diputuskan oleh Mahkamah.
2. Sekiranya tempoh tersebut telah tamat, Perintah Kebenaran Melanjutkan Tempoh Rayuan (Kod Kes : 452) hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Mahkamah yang mendengar Rayuan.
3. Sekiranya kes induk yang dirayu bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah dan telah dirayu di Mahkamah Tinggi Syariah, Perintah Kebenaran Merayu (Kod Kes : 451) hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Mahkamah Rayuan Syariah.
4. Penyediaan pliding hendaklah dalam Bahasa Melayu sahaja dan sekiranya pihak-pihak atau salah satu pihak tidak boleh menguasai Bahasa Melayu, pliding hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa lain mengikut penguasaan pihak tersebut (dwibahasa). *(Rujukan S. 232 [Akta 585])*
5. Borang Pendaftaran hendaklah diisi dengan lengkap, kemas, jelas dan mudah untuk dibaca.
6. Setiap salinan pliding dan dokumen hendaklah disediakan dengan menggunakan kertas putih bersaiz putih A4, tulisan jenis Arial, bersaiz 12 dan berjarak baris 1.15.
7. Setiap permohonan hendaklah didaftarkan oleh **Perayu** atau **Pegum Syarienya** yang telah dilantik dan berwakalah sahaja.
8. Pendaftaran tidak akan diproses **SEKIRANYA GAGAL** mengemukakan dokumen-dokumen dan bayaran fi pendaftaran di atas dengan lengkap. *(Rujukan : Seksyen 71 [Akta 585]).*
9. Dokumen-dokumen **ASAL** hendaklah dibawa bersama semasa **pendaftaran** dan **sebutan/bicara** di hadapan Hakim/Pendaftar.
10. Kos penyediaan pliding, dokumen, pendaftaran dan penyampaian hendaklah ditanggung oleh **Perayu** atau **Pegum Syarienya**.

**RUJUKAN :**

**[Akta 303] :**

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984

**[Akta 505] :**

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993

**[Akta 585] :**

Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998

**Pegawai Bertugas** : .....  
(Pendaftar)

**Tarikh** : .....